**LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI JAN – JUN 2024**
**UNIT : REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL / SEKSYEN KOLEKSI KHAS & REPOSITORI**
**PERPUSTAKAAN UTM : BANGUNAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH, JB**

**Nama Prosedur : PROSEDUR MENDEPOSIT BAHAN UTM-IR - AKT(IR)/8.5.2**

| Bil. | Objektif Kualiti | Pencapaian (Nyatakan Capai/Tidak/ Pelaporan Sebahagian) | Punca Masalah (Jika Tidak Capai) | Penambahbaikan/ Pelan Tindakan | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Memastikan sasaran mendeposit dicapai 80% rekod setahun. | **Sasaran :**<br>- Anggaran penerimaan tahunan bahan UTM-IR adalah 6000 rekod setahun.<br>- Bagi 80% setahun ialah 4800 rekod.<br><br>**Pencapaian :**<br>51% ( 2,450 rekod)<br><br>**Keputusan :**<br>- Pelaporan sebahagian. | - | Rujukan :<br>Lampiran 2(c) tindakan pengawalan duplikasi rekod bahan tesis bagi persediaan pelaksanaan sistem baharu UTM-IK Centralized Repository System. | Rujukan :<br>i. Lampiran 2(a) untuk perincian pencapaian.<br>ii. Lampiran 2(b) laporan penglibatan Perpustakaan UTMKL dalam aktiviti pendepositan bahan di sistem UTM-IR. |

Disemak dan disahkan oleh :

SAR

____________________________
(SYAHRANAH A. RAQI)
Tarikh :

*Lampiran 2(a)*

**Jadual 2.1 : Jumlah Pendepositan UTM-IR | Unit Pengurusan UTM-IR & Data Penyelidikan**

<table>
<tr><th>BULAN</th><th>JUMLAH</th></tr>
<tr><td>JAN</td><td>332</td></tr>
<tr><td>FEB</td><td>445</td></tr>
<tr><td>MAR</td><td>181</td></tr>
<tr><td>APR</td><td>574</td></tr>
<tr><td>MEI</td><td>560</td></tr>
<tr><td>JUN</td><td>358</td></tr>
<tr><td>JUMLAH PENCAPAIAN</td><td>2,450</td></tr>
<tr><td>ANGGARAN PENERIMAAN TAHUNAN</td><td>6,000</td></tr>
<tr><td>SASARAN PENCAPAIAN<br>(80% x 6,000)</td><td>4,800</td></tr>
<tr><td>PERATUS PENCAPAIAN<br>(Jumlah Pencapaian / Sasaran Pencapaian x 100)</td><td>51%</td></tr>
<tr><td rowspan="2">JULAT SASARAN PENCAPAIAN<br>(Jumlah & Peratus)</td><td>2,350</td></tr>
<tr><td>49%</td></tr>
</table>

*Lampiran 2(b)*

**<u>LAPORAN RINGKAS PENGLIBATAN UNIT KATALOG DAN REPOSITORI, PERPUSTAKAAN UTMKL DALAM AKTIVITI PENDEPOSITAN BAHAN DI SISTEM UTM-IR</u>**

Pemakluman penglibatan Unit Katalog dan Repositori, Perpustakaan UTMKL dalam aktiviti pendepositan bahan di sistem UTM-IR mulai tahun 2024 telah dimaklumkan oleh TKP(IP) di Mesyuarat Jawantankuasa Eksekutif Jabatan Perpustakaan Bil.1/2024 pada tarikh 24.01.2024.

Sesi perbincangan melalui platform Google Meet telah diadakan pada 16.01.2024 | Selasa jam 2.45 – 4.15 petang melibatkan Pustakawan dan Pembantu Pustakawan (UTM-IR) URD bersama Pustakawan dan Pembantu Pustakawan UKD, PSZKL. Sesi perbincangan ini telah membincangkan Pelan Tindakan Bagi Pelaksanaan Proses Kerja Pendepositan Bahan UTM-IR oleh PUTM-PSZKL. Butiran lengkap perbincangan ini adalah merujuk kepada Lampiran 2(b).

Kursus Pengurusan Sistem Repositori Perpustakaan : UTM-IR di bawah kendalian P(RD) yang melibatkan semua staf URD dan UKD telah dilaksanakan pada 05.03.2024, Selasa di Bilik Mesyuarat Eksekutif, PRZS dan lintas langsung melalui platform *Webex* (staf UKD, PSZKL).

Bagi tujuan penyelarasan kerja berkaitan UTM-IR dengan pembangunan sistem baharu UTM-IK, perkara berikut telah diberi perhatian pada Mesyuarat Task Force Ahli Jawatankuasa Penyelaras Modul dan Semakan Data, bil.1/2024 bertarikh 14.03.2024 :

i. Pihak UKD, PSZKL : Melaksanakan proses kerja mengemaskini isi kandungan fail lampiran bahan tesis peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah sebagai persediaan kepada aktiviti kemasukkan rekod bahan melalui sistem UTM-IK selepas sistem ini siap dibangunkan oleh pihak pembekal sistem.
   Rasional kepada keputusan ini adalah bagi memastikan rekod bahan tesis yang terdapat di ketiga-tiga sistem repositori PUTM (UTM-IR, UTM-DMS dan UTM-RDM) dapat diselaraskan dengan lebih tersusun serta mengurangkan kehadiran rekod bahan yang memerlukan tindakan pembersihan selepas proses migrasi data dilaksanakan oleh pihak pembekal sistem.

ii. Aktiviti baharu pendepositan bahan ke sistem UTM-IK akan memberi kesan kepada pelaporan pencapaian Objektif Kualiti dan BS11620 di mana kedua-dua pelaporan ini melibatkan perubahan besar kepada Prosedur Pendepositan Bahan UTM-IR secara keseluruhan serta data yang perlu dijana bagi menjawab kepada BS11620 berdasarkan keupayaan modul laporan yang bakal dibangunkan.

Oleh itu, proses kerja melibatkan pendepositan bahan di sistem repositori PUTM akan disemak, dan dikemaskini berdasarkan persekitran baharu yang menggabungkan ketiga-tiga sistem repositori sedia ada untuk memenuhi kecenderungan inovasi teknologi maklumat, selaras dengan keperluan pengguna yang kian meluas untuk mengakses isi kandungan maklumat yang lebih terbuka dan membantu penghasilan ilmu pengetahuan baharu.

## PELAN TINDAKAN BAGI PELAKSANAAN PROSES KERJA PENDEPOSITAN BAHAN UTM-IR OLEH PUTM-PSZKL

| BIL. | PERKARA | CATATAN |
|---|---|---|
| 1 | Pendaftaran Login Staf<br>- Pustakawan sebagai Editor<br>- Pembantu Pustakawan sebagai Depositor | Tindakan : P(RD)<br>Pemakluman dari P(KD) : Proses pendaftaran Login staf akan dilaksanakan selepas PUTM-PSZKL selesai proses penstrukturan semula Unit.<br>Tindakan :<br>- Selesai.<br>- Pustakawan & Pembantu Pustakawan telah mengesahkan login ke system UTM-IR tiada masalah – 17.01.2024. |
| 2 | Tarikh kuatkuasa pelaksanaan proses kerja pendepositan bahan UTM-IR – bahan tesis sahaja (Sarjana & Doktor Falsafah) | Tindakan : P(KD)<br>Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024.<br>Tarikh penguatkuasaan ini adalah selaras dengan pelaksanaan pengunaan sistem IKLAS oleh PUTM-PSZKL.<br>Tindakan :<br>- Selesai.<br>- P(RD) telah berkongsi URL di portal SKR untuk rujukan staf PSZKL merujuk panduan mendeposit tesis.<br>- Kursus akan dilaksanakan pada Feb. 2024 dan staf PSZKL akan dipelawa untuk menghadiri kursus secara fizikal. |
| 3 | Rekod bahan tesis yang terlibat untuk proses kerja pendepositan bahan UTM-IR | Tindakan : P(KD)<br>Melibatkan semua **tesis** (**Sarjana & Doktor Falsafah**) berstatus ***Open Access*** **sahaja** yang telah dideposit ke sistem DMS oleh staf PUTM-PSZKL.<br>i. PERHATIAN : Pengesahan sama ada melibatkan semua rekod tesis (seperti yang disyaratkan) yang telah dideposit ke sistem DMS oleh staf PUTM-PSZKL, atau perlu ada *cut of date* yang menjadi penanda kepada tahun penghasilan tesis bagi pelaksanaan proses kerja ini oleh staf PUTM-PSZKL.<br>Tindakan :<br>- Selesai.<br>- P(KD) bertanggungjawab untuk mendapatkan bahan tesis berkenaan untuk melancarkan proses kerja mendeposit bahan. |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | Latihan penggunaan sistem UTM-IR | Tindakan : P(RD)<br>Latihan kepada staf PUTM-PSZKL yang terlibat dengan proses kerja pendepositan bahan UTM-IR akan dilaksanakan sejurus selepas Per.1 diselesaikan oleh pihak PUTM-PSZKL.<br>i. Latihan akan dilaksanakan secara dalam talian melibatkan P(RD) dan wakil seorang Pembantu Pustakawan UTM-IR kerana hanya melibatkan kategori bahan tesis sahaja. Staf PUTM-PSZKL yang terlibat akan dibekalkan dengan rujukan slaid Panduan di portal SKR dan Prosedur Pendepositan Bahan UTM-IR sebagai rujukan utama.<br>ii. Tarikh latihan dijangkakan sekitar Januari 2024 selepas selesai proses penjanaan data statistic dari sistem Eprints bagi mengelakkan kecelaruan data percubaan dan data sahih di dalam sistem ini.<br>PERHATIAN : Pertimbangan untuk melakasanakan latihan secara hadir fizikal kepada staf PUTM-PSZKL yang terlibat dengan sistem UTM-IR bersama sistem IKLAS bagi memudahkan pemahaman staf untuk menggunakan kedua-dua sistem ini.<br>iii. Latihan lanjutan dalam bentuk Kursus akan diadakan bersama semua staf URD bagi mendapatkan maklumbalas pelaksanaan proses kerja serta penggunaan sistem UTM-IR oleh staf PUTM-PSZKL. Saranan untuk kursus ini adalah kehadiran secara fizikal untuk membantu keperluan staf PUTM-PSZKL dengan lebih jelas.<br>Tindakan :<br>- Selesai.<br>- Kursus akan dilaksanakan pada Feb. 2024 dan staf PSZKL akan dipelawa untuk menghadiri kursus secara fizikal. |
| 5 | Prosedur Pendepositan Bahan UTM-IR | Tindakan : P(RD) & P(KD)<br>Untuk proses kerja pendepositan bahan UTM-IR, staf PUTM-PSZKL yang terlibat akan mengadaptasi proses kerja yang sama seperti yang dilaksanakan oleh staf URD.<br>i. PERHATIAN : Perincian kepada pencapaian Objektif Kualiti memerlukan persetujuan / semakan semula untuk memastikan sama ada pihak PUTM-PSZKL terlibat secara langsung sebagai penyumbang kepada pencapaian Objektif Kualiti atau pencapaian yang berasingan dari staf URD.<br>Tindakan :<br>- P(KD) akan merujuk kepada TKP(KL) berhubung perkara ini untuk pertimbangan lanjut.<br>- Perhatian perlu diambilkira dari aspek data jumlah tesis Masters & PhD. yang terima pada setiap tahun bagi menyokong kepada proses kerja ini sekiranya pihak PSZKL terlibat untuk menyumbang kepada pencapaian Objektif Kualiti sedia ada. |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Bahan tesis yang tiada fail digital dan salinan cakera padat | Tindakan : P(KD)<br>Terdapat sebahagian kecil bahan tesis yang hanya ada dalam format teks sahaja.<br>Keputusan pihak Pengurusan PUTM sama ada bahan berkenaan perlu dihantar ke PUTM-PRZS, atau PUTM-PSZKL perlu membuat permohonan pembelian mesin pengimbas untuk membolehkan proses kerja mengimbas dokumen tesis dilaksanakan oleh pihak PUTM-PSZKL.<br>Tindakan :<br>- P(KD) akan merujuk kepada TKP(KL) berhubung perkara ini untuk pertimbangan lanjut kerana Unit Katalog & Dokuemn Digital di PSZKL tiada peralatan mengimbas bagi melaksanakan proses mengimbas kadnungan tesis yang diterima tanpa cakera padat dan fail format .pdf.<br>- Pihak PSZKL digalakkan untuk melaksanakan proses mengimbas kandungan tesis bagi membantu meningkatkan koleksi digital di dalam sistem UTM-IR dan UTM-DMS. |
| 7 | Pelaporan data pencapaian | Tindakan : P(KD)<br>Pelaporan data pencapaian bagi proses kerja pendepositan bahan UTM-IR melibatkan laporan berikut :<br>i. Perangkaan bulanan staf<br>a. Pustakawan – semakan & pengesahan rekod (*Move to repository*)<br>b. Pembantu Pustakawan – semakan & pendepositan rekod (*Manage deposit*)<br>ii. Pelaporan setiap 3 bulan (Q1 – Q4)<br>a. Data Stok Perpustakaan – Bahagian Pembangunan Sumber (*Owner*)<br>b. Data HIR Pendepositan Bahan ke Sistem Repositori Perpustakaan – Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (*Owner*)<br>c. Data Exhibit Pendepositan Bahan UTM-IR<br>iii. Pelaporan setiap 6 bulan<br>a. BS11620 – B.1.1.5 & B.2.1.5 – Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (*Owner*)<br>b. Laporan Objektif Kualiti ???<br><br>iv. Laporan Tahunan Pendepositan Bahan UTM-IR<br>a. Pendepositan oleh *Depositor*<br>b. Pengesahan oleh *Editor*<br>c. Retired record<br>d. Deleted record<br>e. Jumlah semakan *vs* jumlah pendepositan |

| | | |
|---|---|---|
| | | Tindakan :<br>- Selesai.<br>- P(KD) bertanggungjawab untuk melaporkan data pencapaian bulanan.<br>- P(RD) akan mengemaskini templat pelaporan data pencapaian dan telah dikongsikan di GD pada 21.01.2024 melalui platform WA : DMS HIR/KAI. |
| 8 | Pengemaskinian maklumat di laman Eprints – UTM-IR | Tindakan : P(RD)<br>Maklumat koresponden bagi PUTM-PSZKL pada bahagian *About the Repository* perlu dimasukkan bagi membolehkan pengguna mengaju soalan berkaitan pendepositan tesis di bawah kendalian pihak PUTM-PSZKL sejurus selepas Per.1 diselesaikan oleh pihak PUTM-PSZKL.<br>Tindakan :<br>- P(RD) akan merujuk kepada TKP(IP) dan KKR berhubung isu ini. |
| 9 | Pelaporan masalah sistem UTM-IR di sistem IREPS | Tindakan : P(RD)<br>Keputusan daripada pihak Pengurusan PUTM sama ada sebarang masalah berkaitan akses dan penggunaan sistem UTM-IR akan dilaporkan secara berpusat melalui P(RD) atau akan dilaporkan sendiri oleh pihak PUTM-PSZKL di sistem IREPS.<br>i. PERHATIAN : Pengendalian dan penyelenggaraan pangkalan data sistem Eprints - UTM-IR adalah berada di bawah seliaan pihak UTM Digital.<br>Tindakan :<br>- Selesai.<br>- P(KD) digalakkan untuk merujuk kepada P(RD) berkaitan permasalahan UTM-IR sebelum dilaporkan melalui IREPS bagi memastikan masalah yang kritikal sahaja dilaporkan oleh P(KD) melalui IREPS. |

Nota :

P(RD) - Pustakawan Kanan , Unit Repositori & Dokumen Digital, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru, Johor.

P(KD) - Pustakawan Kanan, Unit Katalog & Dokumen Digital, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Kuala Lumpur.

Disediakan oleh : HH | 01.11.2023
Dikemaskini : HH | 21.01.2024

Sesi perbincangan melalui platform Google Meet telah diadakan pada 16.01.2024 | Selasa jam 2.45 – 4.15 petang.

**PERBINCANGAN PROSES KERJA UTM-IR DAN SENARAI TUGAS STAF YANG TERLIBAT**


https://meet.google.com/hcx-bmer-zbj?authuser=0
MOHAMAD ALIF BIN MOHAMAD DESA PERPUSTAKAAN KL
Wid Wahid
SHARIFAH EZATHUL IMMA SYED ZAINAL ABIDIN
HASLINA BINTI HUSSIN PSZ
In-call messages
Let everyone send messages
Messages can only be seen by people in the call and are deleted when the call ends
Send a message
2:50 PM | PERBINCANGAN PROSES KERJA UTM...
4




| First name | Last name | Email | Duration | Time joined | Time exited |
|---|---|---|---|---|---|
| MOHAMAD ALIF BIN MOHAMAD DESA | PERPUSTAKAAN KL | m.alif@utm.my | 1 hr 28 min | 2:45 PM | 4:13 PM |
| HASLINA BINTI HUSSIN | PSZ | haslinahussin@utm.my | 1 hr 29 min | 2:45 PM | 4:13 PM |
| SHARIFAH EZATHUL IMMA | SYED ZAINAL ABIDIN | ezathulimma@utm.my | 1 hr 28 min | 2:45 PM | 4:13 PM |
| Wid | Wahid | widya@utm.my | 1 hr 26 min | 2:47 PM | 4:13 PM |

*Lampiran 2(c)*

**PELAN PERANCANGAN PELAKSANAAN PROSES KERJA PENDEPOSITAN BAHAN TESIS BAGI PERSEDIAAN PELAKSANAAN SISTEM BAHARU UTM-IK CENTRALIZED REPOSITORY SYSTEM**

Pelan perancangan pelaksanaan proses kerja pendepositan bahan tesis (Masters & PhD.) di sistem UTM-IR bagi tahun 2024 telah susun semula bagi memastikan persediaan peralihan platform sistem repository Perpustakaan UTM (PUTM) ke sistem baharu *UTM-IK Centralized Repository System*.

Mulai 2024 proses pendepositan bahan tesis ke sistem UTM-IR telah ditangguhkan bagi tesis yang telah selesai dideposit di sistem UTM-DMS. Untuk makluman, bagi proses kerja pendepositan tesis di sistem UTM-IR, hanya tesis yang telah diselesai dideposit ke sistem UTM-DMS sahaja yang akan dilaksanakan pendepositan bagi memastikan maklumat pautan akses ke sistem UTM-DMS dapat dimasukkan pada medan OFFICIAL URL.

Penangguhan proses pendepositan ini dilakukan atas tujuan berikut :

i. Mengatasi masalah duplikasi rekod yang melibatkan judul tesis yang sama berulang dalam satu (1) sistem repositori apabila pelaksanaan sistem baharu *UTM-IK Centralized Repository System* mula dilaksanakan.
   - Penggabungan semua sistem repositori sedia ada (UTM-DMS, UTM-IR dan UTM-RDM) akan menyebabkan pemusatan semua judul bahan di dalam satu sistem dan memerlukan usaha pembersihan data sekiranya pihak pembekal tidak dapat mengatasi masalah ini semasa proses migrasi data.
   - Penggabungan semua sistem repositori sedia ada (UTM-DMS, UTM-IR dan UTM-RDM) akan memberi lebih kemudahan untuk mengakses satu (1) judul rekod yang mengandungi fail lampiran yang pelbagai dengan kandungan digital yang berbeza mengikut tahap akses yang dibenarkan kepada setiap fail lampiran.

ii. Mengurangkan aktiviti pembetulan dan pembersihan data yang akan dilaksanakan oleh staf agar tumpuan kepada usaha mendeposit rekod baharu ke dalam *UTM-IK Centralized Repository System* berjalan lancar selaras dengan persekitaran sistem baharu yang memerlukan tumpuan dan adaptasi keserasian persekitaran antaramuka yang baharu.

Meskipun aktiviti pendepositan bahan tesis ini telah ditangguhkan, aktiviti mengemaskini kandungan tesis sebagai fail lampiran kandungan digital untuk keperluan sistem repositori akses terbuka masih kekal dilaksanakan untuk persediaan fail lampiran kandungan digital yang akan dimuat naik ke sistem baharu.

Di pihak pengguna, akses kepada rekod tesis melalui sistem UTM-DMS masih boleh membantu untuk mendapatkan maklumat ringkas metadata bahan bagi pengguna luar. Manakala bagi pengguna di kalangan warga UTM, akses menggunakan UTMID akan membantu pengguna untuk mengakses teks penuh bagi setiap judul yang telah dimuatnaik ke dalam sistem UTM-DMS.

Pihak Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) turut mengambil inisiatif awal sebagai persediaan pelaksanaan sistem *UTM-IK Centralized Repository System* dengan melaksanakan projek semakan dan muat turun fail teks penuh bagi setiap judul bahan status *Closed Access*, untuk mengatasi masalah *broken link* bagi pautan kepada *official URL* yang korup dan di luar kawalan institusi yang melaksanakan pendepositan bahan di sistem repositori akses terbuka.

Selaras dengan perancangan pembangunan sistem baharu *UTM-IK Centralized Repository System* yang dijangkakan akan dilaksanakan pada suku ke-2 tahun 2025, proses kerja pendepositan bahan tesis akan mengalami perubahan yang lebih positif sebagai usaha pemusatan rekod bahan koleksi khas yang dinamik, efisyen dan bersifat komprehensif untuk rujukan dan akses maklumat yang lebih mudah.

Pelan perancangan pelaksanaan proses kerja ini dirangka berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Jabatan Perpustakaan UTM, Bil.2/2024 bertarikh 18 April 2024.